

**DERAF TEKS UCAPAN YDP
MAJLIS PERASMIAN PENGURUSAN SISA DAPUR ORGANIK
TAJAAN CIMB BANK TAMAN HELANG JAYA, NIBONG TEBAL, SPS
PADA 29 JULAI 2012(AHAD), JAM 2.00 PETANG
BERTEMPAT DI DEWAN JKKK BUKIT PANCHOR,
TAMAN HELANG JAYA SPS**

.....

Yang Berhormat Tuan Tan Beng Huat

Adun Jawi

Yang Berusaha En. Tang Kean Poay

Pengerusi JKKK Bukit Panchor

Yang Berusaha En. Yeoh Kim Joon

Pengurus CIMB Bank Cawangan Sungai Bakap

Yang Dihormati En. Loh Joo Huat & En. Teoh Seang Hooi

Ahli Majlis-Ahli Majlis MPSP

Ketua-Ketua Jabatan

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian

.....

Assalamualaikum ,selamat petang dan salam sejahtera,

Pertama sekali, saya berasa amat bertuah kerana dapat hadir bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan bersempena dengan Majlis Perasmian Pengurusan Sisa Dapur Organik pada petang ini.

Saya mewakili MPSP ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada CIMB Bank kerana sudi bekerjasama dengan MPSP dalam menjayakan program ini.

Tuan-tuan & Puan-puan yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan CIMB Bank telah memberikan sumbangan sebanyak RM 113,000.00 untuk Program Pengurusan Sisa Dapur Organik yang dijalankan di Seberang Perai. Sebanyak RM 36,000.00 telah diperuntukkan di Seberang Perai Utara, RM 41,000.00 untuk Seberang Perai Tengah dan RM 36,000.00 untuk Seberang Perai Selatan.

Untuk makluman semua, pada 8 Julai 2012, program ini telah dilancarkan oleh Y.B. Tuan Phee Boon Poh di Pusat Sumber Alam Sekitar SPU manakala pada 15 Julai yang lepas, Y.B. Tuan Chow Kon Yeow pula telah merasmikan Program Pengurusan Sisa Dapur Organik tajaan CIMB di Kampung Jawi. Seramai 200 isi rumah telah menyertai program ini yang akan mengambil masa 8 minggu. Pada petang ini, saya berharap 200 penyertaan akan dicapai di sini.

Tujuan program ini adalah untuk mendidik penduduk di sekitar kawasan ini bahawa sisa dapur kita seperti kulit buah-buahan, sayur-sayuran, semua sisa basah boleh dikomposkan untuk dijadikan baja. Sekiranya semua masyarakat kita mengamalkan pengkomposan dan kitar semula, ia dapat membantu mengurangkan pembuangan sisa dapur ke tapak pelupusan dan dapat membantu MPSP untuk menjimatkan jutaan ringgit yang dibayar untuk pengurusan sampah pada setiap tahun. Jutaan ringgit yang diijamatkan boleh digunakan oleh MPSP untuk menyediakan kemudahan-kemudahan seperti taman permainan atau digunakan untuk membaiki jalan, longkang dan tandas awam di sekitar Seberang Perai.

Di MPSP, kadar kitar semula sehingga bulan Jun adalah sebanyak 32.87% dimana ia adalah lebih tinggi daripada sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, 20% pada tahun 2020 dan sasaran Kerajaan Negeri, 30%. Pencapaian ini merupakan usaha yang diperolehi bersama-sama dengan kerjasama daripada semua pihak.

Bulan	Berat Sampah (Tan)	Berat hasil Kitar Semula (Tan)	Jumlah Berat	Peratusan Hasil Kitar Semula
Januari	31,887.00	10,705.89	42,592.89	25.13 %
Februari	29,487.00	11,035.24	40,522.24	27.23 %
Mac	32,770.00	6,453.16	39,223.16	16.45 %
April	32,459.00	12,773.03	44,232.03	28.55 %
Mei	30,387.00	10,536.92	40,923.92	25.74 %
Jun	29,757.46	14,576.44	44,333.90	32.87 %

Program kita pada petang ini adalah selaras dengan Fokus MPSP 2012 iaitu:

- Fokus 1: Pembersihan dan Kehijauan
- Fokus 2: Menwujudkan Eko-Komuniti

Untuk memastikan matlamat kedua-dua fokus tercapai, pelbagai Program LA 21 telah dilakukan seperti:

- Program Kitar Semula - 4R (Rethink, Reduce, Reuse, Recycle)
- Anugerah Sekolah Hijau [30 buah sekolah (tahun 2010), 36 sekolah (tahun 2011), 52 buah sekolah (Jun 2012)]. Anugerah ini dibahagi kepada Kategori Sekolah Rendah dan Kategori Sekolah Menengah

- Program Zero Waste

Program ini adalah terbuka kepada semua sekolah yang menyertai Pertandingan Sekolah Hijau yang telah dilancarkan pada 25 Jan 2010 di Dewan Dato' Hj. Ahmad Badawi, Butterworth. Sehingga Julai 2012, sebanyak 4 buah sekolah telah menyertai program ini.

- Program Industri Hijau
- Program Keindahan dan Keceriaan Bandar
- Program CSR
- Mud Ball
- Penghasilan sabun daripada minyak terpakai

Melalui kerjasama yang erat inilah , hasrat MPSP untuk menjadikan Seberang Perai sebuah tempat yang bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja dan kompetitif untuk pelaburan dapat sama-sama kita jayakan.

Akhir sekali, saya merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi kepada CIMB Bank diatas sumbangan dan kerjasama yang diberikan kepada MPSP dalam menjayakan program ini. Tidak lupa juga kepada tuan-tuan dan puan-puan yang sudi hadir dan memberikan komitmen penuh kepada program ini.

Dengan itu, saya merasmikan Majlis Pengurusan Sisa Dapur Organik Tajaan CIMB Bank pada petang ini.

Sekian, terima kasih.